

## ULUL ALBAB MENGIKUT TAFSIRAN KITAB AL-AZHAR TULISAN HAMKA

### ***ULUL ALBAB, ACCORDING TO HAMKA'S INTERPRETATION OF AL-AZHAR'S TAFSIR***

Azmani Razak<sup>1\*</sup>  
Syaimak Ismail<sup>2</sup>  
Mahfuzah Zabidi<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pelajar Pascasiswazah ACIS UiTM Johor, Kampus Segamat, Malaysia

Email: azman1razak30@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan ACIS UiTM Perlis, Malaysia

Email: syaimak@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan ACIS UiTM Shah Alam, Malaysia

Email: mahfuzah3051@uitm.edu.my

Corresponding author

#### Article history

**Received date** : 7-4-2023

**Revised date** : 8-4-2023

**Accepted date** : 27-5-2023

**Published date** : 26-6-2023

#### To cite this document:

Razak, A., Ismail, S., & Zabidi, M. (2023). Ulul Albab Mengikut Tafsiran Kitab Al-Azhar Tulisan Hamka.

*Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (53), 350 - 360.

**Abstrak:** *Ulul Albab merupakan satu generasi berakhhlak dan memiliki kualiti yang baik menurut al-Qur'an. Melahirkan generasi masyarakat yang mempunyai ciri-ciri positif seperti kumpulan Ulul Albab merupakan suatu matlamat yang ingin dicapai dalam sebuah kelompok masyarakat Islam. Keberadaan Ulul Albab dalam institusi masyarakat kontemporari dapat menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pembangunan sosial dalam kalangan generasi awalan serta memandu masyarakat ke arah pemilikan pemikiran yang kritis, berakhhlak dan beriman. Terdapat 16 ayat di dalam al-Qur'an yang menyebut tentang kisah berkaitan generasi Ulul Albab daripada sudut latarbelakang sejarah dan akhlak serta keimanan yang dimiliki kumpulan ini. Oleh yang demikian, di dalam usaha membangunkan generasi Ulul Albab era kini, penyelidikan ini adalah bersandarkan kepada pentafsiran HAMKA di dalam kitab tafsir al-Azhar berkaitan pencirian Ulul Albab menurut tafsiran HAMKA. Matlamat di dalam penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti 16 ayat yang menyebut tentang ciri-ciri Ulul Albab. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan berteraskan kepada kajian perpustakaan dan analisis dokumen iaitu kitab tafsir al-Azhar karangan HAMKA. Hasil kajian mendapati, tafsiran HAMKA berkenaan Ulul Albab meliputi skop untuk melahirkan Ulul Albab yang beriman dan berakhhlak mulia.*

**Kata kunci:** *Ulul Albab, Tafsir al-Azhar, HAMKA*

**Abstract:** *According to the Qur'an Ulul Albab is a generation with morals and good qualities. Producing a generation of people with positive characteristics like the Ulul Albab group is a goal to be achieved in a Muslim community group. The existence of Ulul Albab in the institutions of contemporary society can be a catalyst for the growth of social development among the early generations as well as guide society towards the possession of critical thinking,*

*morals, and faith. There are 16 verses in the Qur'an that mention the story related to Ulul Albab, such as the historical background, their morals, and the intact faith that this group has. This research is based on the interpretation of HAMKA in the al-Azhar book of interpretation. The aim of this research is to identify 16 verses that mention the characteristics of Ulul Albab. This study also classifies the characteristics of Ulul Albab according to the interpretation of al-Azhar's tafsir. This study is qualitative in nature and is based on library research and document analysis of the al-Azhar book of interpretation written by HAMKA. The results of the study found that the interpretation of HAMKA regarding Ulul Albab covers the scope to develop a generation of Ulul Albab who have faith, noble character, and a strong sense of identity in line with the current of modernity.*

**Keywords:** *Ulul Albab, Tafsir al-Azhar, HAMKA*

---

### **Pengenalan Ulul Albab**

Merujuk kepada Kamus Al-Marbawi, perkataan Ulul Albab adalah dua pecahan perkataan iaitu Ulu dan Albab (Abdullah, 2006). ‘Ulu’ bermaksud mempunyai atau memiliki manakala ‘albab’ pula bermaksud pati, akal yang bersih dan hati (Abdullah, 2006). Perkataan ‘albab’ ini merupakan kalimah jama’ yang berasal dari kata dasar *lubb* (Abdullah, 2006). Terdapat 16 kali pengulangan perkataan Ulul Albab atau Ulil Albab yang disebut di dalam ayat Al-Quran berdasarkan 10 surah (Arief Efendi, 2014). Penekanan serta pengulangan perkataan ini menunjukkan bahawa kepentingan utama didalam membina prospek Ulul Albab dalam usaha membentuk generasi unggul berdasarkan penguasaan ilmu pengetahuan dan ketinggian akal fikiran. Ulul Albab dinyatakan didalam Al-quran sebagai satu golongan manusia yang diberikan keistimewaan (*gifted*) (Abdullah, 2006). Mereka diberikan hikmah, kebijaksanaan dan pengetahuan terhadap sesuatu ilmu dan perkara yang mendalam dan terperinci. Generasi ini mampu menyeimbangkan hubungan diantara konsep kehidupan yang berteknologi dengan menjadikan pegangan agama sebagai sandaran dalam menuju kehidupan yang direhdai Allah (Abdullah, 2006).

Akal fikiran yang dikurniakan dan digunakan sebaik mungkin adalah ciri-ciri yang wujud dalam diri generasi Ulul Albab. Golongan ini juga mahir dalam ilmu fardu ain dan fardu kifayah (Abdullah, 2006) serta memiliki dua kekuatan zikir dan fikir (Danial, 2015). Konsep zikir dikaitkan dengan ketinggian keimanan, ketakutan kepada ibadah, pengawalan emosi dan pemantapan sumber rohaniah individu (Danial, 2015). Zikir juga memainkan peranan penting di dalam membentuk sahsiah diri, individu dan masyarakat agar sentiasa di bawah lindungannya (Manam, 2010). Manakala konsep fikir pula, menjurus kepada kecerdasan minda serta kecergasan fizikal (Danial, 2015). Dalam usaha untuk melahirkan generasi Ulul Albab ini pelbagai inisiatif dan usaha akan dikenalpasti oleh penyelidik bagi membangunkan serta membina kembali generasi Ulul Albab. Usaha untuk memelihara dan memancarkan kembali nilai-nilai asas sebuah masyarakat khususnya dalam kalangan generasi muda hari ini perlu dilaksanakan.

Penekanan daripada pelbagai aspek khususnya pendidikan perlu dilakukan secara menyeluruh perlu diambil kira bagi membentuk sahsiah yang komprehensif selain dapat menyemai jati diri seorang remaja agar lebih berakhhlak mulia dan bertamadun. Pendidikan merupakan elemen terpenting dalam pembentukan generasi Ulul Albab era kontemporari (Danial, 2015). Golongan Ulul Albab ini adalah kumpulan istimewa yang diberi kelebihan dari segi pemikiran dan penguasaan iman yang mapan. Generasi ini perlu dijadikan matlamat dalam melahirkan

individu dan masyarakat yang berfikiran cerdas, bersahsiah tinggi selain memiliki personaliti hebat. Oleh demikian, sistem pendidikan negara perlu dikemaskan untuk melahirkan insan yang baik, menyeluruh dan bersepada dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek adalah jelas berdasarkan apa yang tersurat dalam falsafah pendidikan kebangsaan (Khairi & Asmawati 2010).

Generasi Ulul Albab diyakini mampu memenuhi hasrat falsafah pendidikan kebangsaan. Menurut Shahirah Rosli (2022), pembentukan secara keseluruhan nilai diri individu dalam membangunkan modal insan yang bersepada adalah elemen utama yang menjadi satu medium di dalam melahirkan generasi Ulul Albab yang kompeten selaras dengan konsep zikir dan fikir yang menjadi satu struktur integrasi manusawi yang lengkap kendiri. Penerapan konsep Ulul Albab di dalam pendidikan di Malaysia memerlukan perancangan yang rapi untuk menghala kepada pembangunan sebuah negara Islam yang terbilang. Generasi Ulul Albab dilihat sebagai aset yang bernilai kepada ketamadunan sesebuah negara. Selaras dengan tuntutan ini, maka kurikulum yang memenuhi keperluan serta sejajar dengan usaha kerajaan dalam menghasilkan generasi yang mampu menghadapi cabaran semasa dan cabaran masa akan datang dengan penuh persediaan dan susunan rapi haruslah dilahirkan (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010).

## Kajian Literatur

### Ulul Albab

Generasi Ulul Albab ini merupakan medium prioriti dalam melahirkan generasi masyarakat yang mempunyai kehebatan dan keistimewaan terhadap penguasaan daya zikir dan fikir (Fariza, 2018). Penzahiran secara mendalam kriteria yang sebenar dalam menjadi teras HAMKA dalam membangunkan generasi Ulul Albab yang kompeten dan holistik aqli dan naqli. Elemen yang menjadikan tema penyelidik berkaitan kriteria Ulul Albab ini adalah terdiri daripada 16 ayat al-Qur'an yang berkait bersandarkan kepada 10 buah surah yang termaktub dalam al-Qur'an. Setiap daripada ayat akan dibahaskan berdasarkan pemikiran HAMKA dan metod yang digunakan. Setiap 16 ayat yang terkandung berkaitan Ulul Albab ini terdiri daripada 10 surah yang terlibat. Antara surahnya adalah surah al-Baqarah, surah ali-Imran, surah al-Maidah, surah Yusuf, surah ar-Rad', surah Ibrahim, surah Shaad, surah az-Zumar, surah al-Ghafir dan surah at-Thalaq.

Pembentukan dan pembangunan ciri-ciri yang perlu ada di dalam diri seseorang generasi yang membawa gelaran Ulul Albab bersandarkan kepada panduan, acuan dan perkongsian yang digunakan oleh HAMKA di dalam memacu dan membangunkan sesebuah personaliti. Selain daripada itu, segala perwatakan, pembentukan jati diri, nilai dan sifat, pembangunan dan sahsiah yang tinggi, keupayaan individu dan masyarakat yang menjadi prioriti era kontemporari dikenalpasti oleh penyelidik dengan menfokuskan kepada perincian HAMKA semata-mata. Keupayaan pembinaan tamadun bangsa dan usaha untuk memerdekaan pemikiran supaya lebih terbuka adalah aplikasi di dalam melahirkan generasi mentor serta "role model" kepada pembentukkan generasi yang berimpak tinggi (Fariza, 2018). Selain daripada itu, keupayaan HAMKA di dalam menginterpretasikan kemenjadian diri individu mahupun masyarakat akan dapat dilahirkan secara komprehensif serta berperingkat agar generasi penerus tamadun bangsa yang berjaya dapat dilahirkan serta kekal menggarap kejayaan yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan era kini (Danial, 2011). Usaha-usaha HAMKA akan digunakan secara total oleh penyelidik di dalam menjadikan sandaran dan panduan terhadap proses pembangunan generasi Ulul Albab yang berjaya. implikasi daripadanya itu

akan menjadi wadah di dalam penyatuan ummah, ketinggian di dalam intelektual primer. Keupayaan yang tinggi di dalam bidang kepimpinan, berkredibiliti menjadi seorang manusia yang bermaruah dan berpegang teguh kepada prinsip perjuangan penilaian kendiri (al-Attas, 2015).

Generasi Ulul Albab adalah golongan yang mempunyai pemikiran kritis. Pemikiran kritis bukanlah suatu bentuk pemikiran yang baru atau asing di dalam ajaran Islam. Al-Qur'an, sebagai kitab petunjuk buat umat manusia, telah menerapkan budaya ini di dalam ayat-ayatnya sejak lebih dari seribu empat ratus tahun yang lalu (Danial, 2015). Namun begitu, idea pemikiran kritis menurut perspektif al-Qur'an pada asasnya masih lagi di dalam peringkat pembentukan kerana kekurangan penyelidik yang menyelidik tentang konsep ini. Oleh itu, penggalian khazanah ilmu berdasarkan al-Qur'an, yang berkaitan dengan pemikiran secara umum dan pemikiran kritis secara khusus amatamat diperlukan (Danial, 2015). Gagasan Ulul Albab berdasarkan pemikiran kritis al-Qur'an, pada fikiran penyelidik, merupakan suatu metod berfikir yang agak umum serta kompleks sifatnya.

Pembangunan generasi Ulul Albab di dalam menggalakkan pertumbuhan generasi masyarakat yang berwibawa serta berintelektual tinggi adalah teras utama di dalam menyemarakkan semangat jati diri bangsa serta mengambil kira proses pemikiran yang kritis terhadap pemupukan intelektual anak bangsa berjaya (Othman, 2010). Pembangunan generasi Ulul Albab di dalam al-Qur'an, mengambil kira perspektif pemikiran sebagai ulasan utama di dalam membangunkan generasi zikir dan fikir yang mapan dan mampu berdaya saing secara sihat dan progresif.

Konsep pemikiran yang mendalam, analitikal, mengambil pemerhatian secara mendalam terhadap sesuatu ideologi dan pandangan, ini adalah hasil cerminan penaakulan yang berjaya dilaksanakan oleh generasi berpemikiran tinggi dan professional (Danial, 2015). Keupayaan generasi Ulul Albab di dalam memanifestasikan keistimewaan al-Qur'an dan as-Sunnah sebagai wadah pembentukan ummah dan merealisasikan wawasan tamadun yang berwibawa (Danial, 2015). Generasi Ulul Albab inilah solusi terbaik di dalam memelihara serta meneruskan legasi kepimpinan bangsa supaya terus berada dipersada dunia dalam usaha memartabatkan ilmu pengetahuan, menajamkan akal fikiran dan kebolehsediaan memelihara maruah diri dalam mempertahankan perkara yang hak dan menghindarkan yang batil.

### **Metod Pentafsiran Kitab Tafsir Al-Azhar**

Dalam pendahuluan Tafsir al-Azhar, HAMKA mengakui bahawa dirinya bukanlah seorang yang ahli dalam bidang tafsir (Pustaka Nasional, 2005). Menurut Hamka, seorang mufasir haruslah merupakan seorang yang ahli yang pakar dalam disiplin tafsir dan menguasai beberapa disiplin ilmu lain antaranya ilmu bahasa Arab dengan segala cabangnya, ilmu nāsikh dan mansūkh, ilmu Hadith, Tauhid, Tasawuf dan Akhlak, Fiqah, sejarah, ilmu alam dengan segala cabangnya dan lain-lain. Jika dilihat secara umumnya, HAMKA bukanlah ahli dalam setiap disiplin ilmu di atas, tetapi beliau mengetahui ilmu-ilmu tersebut secara dasarnya (Pustaka Nasional, 2005). Beliau turut mengumpamakan dirinya sebagai seorang doktor biasa, yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang tidak sampai ke tahap doktor pakar. Doktor biasa kebiasaannya mengetahui penyakit-penyakit secara umum sahaja, manakala doktor pakar mendalmami secara terperinci bidang-bidang khusus yang menjadi keahliannya (Pustaka Nasional, 2005).

Walau bagaimanapun, penulisan tafsir ini dianggap sangat diperlukan ketika itu. Paling tidak, ada dua perkara yang mendorong HAMKA untuk menyelesaikan karyanya iaitu apabila bangkitnya minat angkatan muda Islam di Indonesia, khususnya di daerah-daerah yang berbahasa Melayu untuk mengetahui isi al-Qur'an, terutamanya bagi mereka yang tidak menguasai ilmu bahasa Arab (Yunan Yusof, 2005). Para angkatan muda Islam mencurahkan minat kepada agama atas dorongan dan penentangan dari luar dan dalam (M. Yunan Yusof, 2005). Selain itu, apabila wujudnya dalam kalangan golongan pendakwah atau dā'i yang tidak menguasai ilmu dan kebolehan berbahasa Arab, serta kurang ilmu pengetahuan dalam menyampaikan dakwah.

Sumber dan corak pentafsiran yang digunakan HAMKA dalam mentafsirkan al-Qur'an adalah pentafsiran ayat al-Qur'an dengan ayat al-Qur'an lain dan ayat al-Qur'an dengan Hadith (*al-tafsīr bi al-ma'thūr*) (M. Yunan Yusof, 2005). Di samping itu, HAMKA juga menggunakan tinjauan sejarah, antropologi dan sosiologi sebagai sumber pentafsiran untuk memperkaya tafsirnya. Corak dan kecenderungan penulisan seperti ini turut digunakan oleh ahli tafsir seperti '*Abd al-Hayy al-Farmāwī* di dalam tafsirnya *al-Adab al-Ijtīmā'i* (M. Yunan Yusof, 2005).

Metod yang sama turut diaplikasikan oleh *Muhammad 'Abduh* dan *Muhammad Rashīd Riḍā* dalam menyusun *Tafsīr al-Manār*. Selain menghuraikan ilmu yang berkenaan dengan agama, Hadith, Fiqah, sejarah dan lain-lain, tafsir ini juga mengaitkan ayat-ayat tersebut dengan perkembangan politik dan kemasyarakatan yang sesuai dengan zaman ketika tafsir itu dilakukan. Antara tafsir yang dijadikan rujukan dan contoh oleh HAMKA adalah *Tafsīr al-Manār* (Pustaka Nasional, 2005). Tafsir ini, selain menghuraikan ilmu agama, Hadith, Fiqah, Tasawuf, sejarah dan lain-lain, juga mengaitkan ayat-ayat yang ditafsirkan dengan perkembangan politik, budaya, dan keadaan masyarakat pada waktu itu ketika kitab tersebut dikeluarkan.

Meskipun soal-soal kemasyarakatan pada zaman sekarang sudah banyak berubah, namun dasar pentafsiran yang beliau tegakkan masih relevan untuk digunakan. Selain *Tafsīr al-Manār*, ada beberapa tafsir yang dijadikan panduan oleh HAMKA, contohnya *Tafsīr al-Marāghī*, *Tafsīr al-Qāsimī* dan *Tafsīr fi Zilāl al-Qur'ān*. Namun demikian, HAMKA tidak menggabungkannya sebagai rujukan secara langsung untuk menguatkan pendapat-pendapatnya, kecuali pada tempat-tempat terpilih (Pustaka Nasional, 2005). Terdapat persamaan antara Tafsir al-Azhar dengan Tafsir al-Manar dalam penghasilan kedua-dua kitab ini. Ini kerana kedua-dua kitab tafsir ini ditulis bermula dari ceramah-ceramah di hadapan jemaah yang kemudian disusun dalam bentuk penulisan (Yunan Yusof, 2005).

Penangkapan beliau ini adalah disebabkan menjadi mangsa kepada fitnah politik. Akibatnya, kegiatan pengajian tafsir al-Qur'an di Masjid Agung al-Azhar serta penulisannya dalam majalah Gema Islam terhenti. Begitu pun, di sebalik penahanannya di dalam penjara, ada hikmah tersembunyi buat beliau (Pustaka Nasional, 2005). Di dalam penjara, HAMKA menulis kembali Tafsir al-Azhar yang belum selesai. Masa-masa yang dilalui semasa berada di dalam tahanan selama dua tahun dimanfaatkan sebaik mungkin dengan melakukan ibadah serta mendekatkan diri kepada Allah SWT (Pustaka Nasional, 2005). Situasi ini dianggap luar biasa kerana beliau sering tidak mempunyai masa, memandangkan sibuk dengan tugas-tugasnya dalam masyarakat, selain memenuhi jemputan, keluar bandar dan menjadi pensyarah di beberapa institut perguruan tinggi, hingga pernah terdetik di dalam hati beliau, adakah tafsir beliau ini boleh diselesaikan (Pustaka Nasional, 2005).

Namun, Allah telah mentakdirkan sesuatu yang tidak pernah difikirkan oleh beliau, iaitu memberinya jalan lain untuk menyelesaikan tafsir al-Qur'an 30 juzuk ini. (Pustaka Nasional, 2005) Bahkan, beliau merasakan jikalau tidak terjadi fitnah ke atas dirinya, agak berat bagi beliau untuk menyelesaikan tugasan yang besar itu, memandangkan faktor umur yang semakin lanjut dan kesibukannya yang luar biasa dalam berdakwah. Berdasarkan Yayasan Pesantren Islam al-Azhar (2008), HAMKA menyatakan pentafsiran al-Qur'an 30 juzuk ini telah diselesaikan beberapa hari sebelum beliau dipindahkan ke tahanan rumah. Ketika beliau menjadi tahanan rumah, beliau menghabiskan masa selama dua bulan lebih untuk memperbaiki dan menyempurnakan segala yang kurang dalam Tafsir al-Azhar yang sudah ditulisnya ketika berada di dalam penjara sebelumnya (Pustaka Nasional, 2005).

Selain daripada itu, masyarakat hari ini kebanyakannya sudah terdedah dengan pendidikan yang lebih tinggi daripada generasi terdahulu sebelum merdeka, dan jika para pendakwah tidak bijak menarik perhatian mereka dalam menyampaikan dakwah, contohnya apabila menjawab isu-isu berbangkit berkaitan agama tanpa membawa dalil-dalil yang sahih atau hujah-hujah yang rasional, maka orang yang mendengar akan merasa ragu-ragu dan tidak berminat mempelajari agama (Pustaka Nasional, 2005).

Oleh itu, kemunculan tafsir ini memberi sumbangan yang besar serta dapat dijadikan rujukan dan alat pembantu bagi para pendakwah dalam menyampaikan dakwah mereka (M. Yunan Yusof, 2005), khususnya apabila berdepan dengan masyarakat awam yang bijak pemikirannya, tetapi kurang ilmu agama dan tiada kebolehan bahasa Arab pada mereka (Pustaka Nasional, 2005). Metod pentafsiran HAMKA ialah dengan membandingkan tafsirannya dengan Hadith, perkataan para sahabat, tabi'in, tabi'in atau membandingkan pendapat beliau dengan pendapat para ahli tafsir (M. Yunan Yusof, 2005). HAMKA memaparkan pentafsiran yang terperinci, penuh deskripsi, serta membawa contoh-contoh dari pengalamannya sendiri dengan masyarakat sekeliling. HAMKA berkata bahawa tafsir ulama terdahulu juga tidak terlepas dari perkembangan ilmu pada masa itu, sehingga perkembangan ilmu pengetahuan sangat mempengaruhi kepada cara pentafsirannya (Pustaka Nasional, 2005).

### Ciri-Ciri Ulul Albab Menikut Tafsiran HAMKA

Hasil daripada penelitian yang dilakukan oleh penyelidik di dalam usaha membangunkan generasi Ulul Albab yang berteraskan kepada elemen pendekatan psikologi dakwah yang relevan bersandarkan kepada hasil pentafsiran kitab tafsir al-Azhar itu sendiri dapatlah dirumuskan bahawa terdapat ciri-ciri yang komprehensif bagi membangunkan generasi zikir dan fikir yang ampuh dari sudut pandangan HAMKA. Oleh yang demikian, penyelidik menjadikan pentafsiran HAMKA itu sebagai tunjang utama di dalam membangunkan kembali generasi aset bangsa yang berintelektual tinggi, berwibawa dan bertamadun dari segi perspektif kehidupan kontemporari. Oleh yang demikian, terdapat ciri-ciri Ulul Albab berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an berkaitan pentafsiran HAMKA di dalam kitab tafsir al-Azhar adalah menyentuh kepada beberapa kriteria yang menjurus kepada pembangunan generasi Ulul Albab berdasarkan pentafsiran HAMKA itu sendiri.

Berdasarkan pengelasan surah dan ayat serta ciri-ciri yang terkait terhadap pentaksiran HAMKA itu sendiri adalah dimulakan dengan generasi Ulul Albab ini adalah golongan yang mempunyai ketinggian dari segi akal fikiran yang baik dan sihat. Selain daripada itu, generasi Ulul Albab ini adalah generasi yang mempunyai daya ketaqwaan yang tinggi dalam menjadi seorang hamba yang abdi kepada Tuhan yang Esa. Generasi Ulul Albab itu sendiri merupakan golongan yang mampu memelihara diri daripada melakukan kemaksiatan serta penindasan ke

atas diri sendiri disebabkan kekuatan daya akal yang baik dan menjadikan agama sebagai satu benteng yang kukuh dalam menguruskan kehidupan yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Penekanan elemen berkaitan pengukuhan dari segi akal fikiran, ketakwaan dan konsep memelihara diri telah mendapat sentuhan dan pengelasan Surah al-Baqarah ayat 179, 197 dan surah al-Talaq ayat 10. Keterlibatan tiga ayat berkaitan elemen yang ditegaskan oleh HAMKA itu merupakan manifestasi kemampuan serta daya tahan golongan Ulul Albab itu sendiri dalam berhadapan dengan pelbagai situasi dengan penuh persediaan yang kukuh dan ampuh.

Selain daripada itu, ciri-ciri Ulul Albab berdasarkan tafsiran HAMKA terhadap kitab tafsir al-Azhar mendapatkan bahawa generasi Ulul Albab itu adalah sebuah golongan yang diberikan Allah daya ibrah yang tinggi. Generasi zikir dan fikir ini mampu mengambil pengajaran terhadap sesuatu perkara yang berlaku sebagai satu proses muhasabah diri ke arah yang lebih baik dan positif. Tambahan itu, generasi zikir dan fikir ini adalah mereka yang mampu menjadikan setiap pengajaran yang berlaku sebagai satu sumber peringatan kepada kehidupan agar tidak menyeleweng dari matlamat tauhid dan aqidah yang sebenar. Generasi Ulul Albab ini juga adalah golongan yang peka terhadap setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan sebagai sebuah keterangan dan petunjuk yang diberikan Azza Wajalla dalam kehidupan hambaNya yang bertaqa wa. Generasi Ulul Albab juga adalah golongan yang berjaya di dalam mengambil iktibar terhadap implikasi penurunan al-Qur'an ke dunia yang fana. Ianya adalah sebuah nasihat serta peringatan dalam kehidupan generasi manusiawi agar terus mendapat hidayah serta petunjuk di sebalik penurunan al-Qur'an sebagai sumber pengajaran kepada seluruh umat Islam khususnya generasi Ulul Albab itu sendiri. Penekanan ciri-ciri tersebut telah didapati di dalam beberapa surah iaitu surah al-Baqarah ayat 269, surah Yusuf ayat 111, surah ar-rad' ayat 19, Surah Ibrahim ayat 52, surah Shaad ayat 43 dan surah al-Ghafir ayat 54.

Selain daripada itu juga, generasi Ulul Albab juga merupakan sebuah generasi yang mampu menggunakan keupayaan akal fikiran secara maksima dalam meneliti setiap perkara yang berlaku berlandaskan kepada pegangan syariat agama dan pengukuhan dari perspektif tauhid itu sendiri. Kemampuan generasi Ulul Albab ini dalam mengambil setiap pengajaran sebagai sebuah pelajaran adalah manifestasi kejayaan sebuah generasi yang mengetahui secara mendalam berbanding ketidakupayaan generasi yang tidak mengetahui sesuatu perkara yang berlaku tanpa asas yang kukuh dan menyeluruh. Oleh yang demikian, ciri-ciri generasi Ulul Albab ini ditekankan di dalam surah az-Zumar ayat 9.

Justeru itu, di dalam membangunkan sebuah generasi Ulul Albab yang konsisten dan relevan mengikut arus kepesatan teknologi canggih yang mencabar, penyelidik menjadikan pentafsiran HAMKA di dalam penekanan pembangunan generasi Ulul Albab itu sendiri perlu dilaksanakan serta diaplikasikan segera ke dalam era kontemporari agar ianya menjadi satu medium dan wadah bagi meningkatkan kembali penguasaan masyarakat Islam terhadap perspektif kehidupan yang mencabar dan berkredibiliti tinggi. Oleh itu, ciri-ciri Ulul Albab seterusnya adalah berkaitan dengan kecenderungan ke arah nilai kebaikan dan tidak kepada arus keburukan. Seperti yang sedia maklum generasi Ulul Albab ini adalah kelompok yang mampu memisahkan perkara yang haq dan batil. Kumpulan mereka berkuasa di dalam menentukan perkara yang sahih mahupun batil secara waras adalah manifestasi penguasaan ilmu al-Qur'an itu sendiri serta menjadikan akal fikiran yang diberikan oleh Allah sebagai satu wahana yang saintifik di dalam mensolusikan setiap perkara yang berlaku.

Selain itu juga, generasi ini juga mampu membuat sebuah pemilihan secara terbaik dan berkualiti tinggi. Golongan ini juga adalah terdiri daripada sebuah masyarakat yang taat kepada

hukum agama itu sendiri tanpa meninggalkan serta menyebelahi mana-mana aturan yang ditetapkan. Keadilan di dalam menetapkan hukum serta kepatuhan terhadap ad-din itu sendiri dapat diperkasa apabila generasi Ulul Albab terbina. Penekanan ciri-ciri Ulul Albab yang ditegaskan oleh HAMKA ini dapat dilihat di dalam surah al-Maidah ayat 100 dan Surah az Zumar ayat 18.

Tambahan itu juga, generasi Ulul Albab ini adalah sebuah generasi yang diberikan Allah keistimewaan yang cukup baik dan tinggi berbanding dengan penciptaan manusia yang lain. Keupayaan mereka di dalam menggunakan akal fikiran yang baik serta kritis di dalam penaakulan pemikiran berlandaskan kepada pegangan wahyu al-Qur'an adalah dapat menonjolkan sebuah aset tamadun yang berilmu pengetahuan serta berpedomankan kepada agama yang luhur itu sendiri. Ciri-ciri generasi Ulul Albab berdasarkan pentafsiran HAMKA itu sendiri berlandaskan kepada kitab tafsir al-Azhar menegaskan bahawa keupayaan generasi ini terhadap pemerhatian yang tinggi dan baik terhadap setiap daripada kejadian Allah yang terjadi. Generasi Ulul Albab ini mampu merenungi setiap perkara yang terjadi melibatkan sistem langit dan bumi. Kehebatan dari perspektif kognitif dan pegangan tauhid itu sendiri menjadikan generasi Ulul Albab ini mempunyai aliran pemikiran yang selaras meliputi pemakaian ayat al-Qur'an yang komprehensif serta keampauan dari perspektif saintifik berdasarkan fakta sains serta geometrika muka bumi.

Generasi Ulul Albab ini juga adalah sebuah generasi yang mempunyai daya kesabaran yang tinggi dalam kehidupan sehari-hari mereka. Hasil daripada pengibrahian yang dilaksanakan oleh generasi Ulul Albab ini dalam kehidupan kontemporari maka manifestasi daripada nilai kesabaran yang baik dalam kehidupan adalah hasil daripada adaptasi generasi zikir dan fikir yang hebat. Selain daripada itu, ciri-ciri generasi Ulul Albab yang ditekankan oleh HAMKA itu sendiri adalah mereka yang diberikan Allah rahmat sebagai sebuah kurnia dalam menguruskan kehidupan dengan penuh efektif dan efisien. Generasi Ulul Albab merupakan sebuah kumpulan yang mempunyai martabat yang mulia serta darjah tingkat keimanan yang tinggi di dalam usaha menjadi seorang manusia yang mampu berbakti serta menyumbang tenaga hanya kerana ingin memelihara maruah agama dan bangsa kian terbela dan terpasak hingga ke hujung dunia. Semangat yang tinggi generasi Ulul Albab ini perlu dicontohi agar generasi yang dibina kelak mampu mempunyai daya tahan yang tinggi serta ampuh jati diri didalam menerobos kedangkalan penuh kejatuhan. Sifat sabar amat penting didalam menjadikan seorang manusia itu kekal profesional dan berkarsma tinggi. Oleh yang demikian, nilai kesabaran adalah medium yang penting di dalam membangunkan sebuah generasi yang mapan asset ketamadunan ummah yang terbilang. Hasil daripada pentafsiran HAMKA terhadap ciri-ciri Ulul Albab ini dapat dirujuk di dalam surah As-shaad ayat 43.

Oleh yang demikian, penekanan HAMKA di dalam pertumbuhan generasi Ulul Albab adalah hasil manifestasi penguasaan intelektual yang tinggi dan kemampuan dari infrastruktur yang berkebolehan tinggi. Oleh itu, HAMKA menafsirkan di dalam kitab tafsir al-Azhar karangan beliau bahawa kerelevenan generasi Ulul Albab kepada masa depan masyarakat Islam adalah dengan menjadikan ilmu pengetahuan sebagai benteng dan pertahanan diri yang kukuh. HAMKA juga menegaskan bahawa generasi masyarakat Islam perlu Istiqamah dan bersungguh-sungguh di dalam menuntut ilmu pengetahuan serta merendahkan diri apabila berhadapan dengan sesebuah ilmu pengetahuan agar sebuah nilai keberkatan diperolehi dengan penuh keredhaan. Implikasi daripada ilmu pengetahuan itu sendiri dapat mengubah prospek kehidupan masyarakat ke arah yang lebih baik.

Keberkatan ilmu pengetahuan adalah sebuah nilai yang sangat utama dan menjadi sebuah lambang rahmah kepada sekalian alam dan menjadi kesepadan masyarakat Islam dan Ummah umumnya. Oleh yang demikian, pengaruh ilmu pengetahuan dalam masyarakat Islam perlu dikembang biak serta diperkasa agar ketamadunan masyarakat Islam dapat kekal berdiri megah dek keupayaan penguasaan dari segi pengintelektualan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Islam dan keupayaan dalam membangunkan sebuah generasi yang progresif dan proaktif. Pentafsiran HAMKA ini dapat dirujuk di dalam surah Ali Imran ayat 7 dengan menegaskan kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan itu sendiri. Berikut merupakan pengelasan ciri-ciri Ulul Albab dan pengelasan surah serta ayat berdasarkan pentafsiran HAMKA ke atas kitab tafsir al-Azhar karangan beliau.

**Jadual 1: Kriteria Ulul Albab berdasarkan ayat al-Qur'an terlibat menerusi tafsiran HAMKA dalam kitab tafsir al-Azhar**

| <b>Kriteria Ulul Albab Berdasarkan Tafsiran HAMKA</b>   | <b>Pengelasan Surah dan Ayat</b>  |
|---|---|
| Berakal Fikiran / Bertaqwa / Memelihara Diri  | Surah al-Baqarah ayat 179<br>Surah al-Baqarah ayat 197<br>Surah at-Thalaq ayat 10   |
| Mengambil Pengajaran / Sumber Peringatan / Sebagai Keterangan Dalam Kehidupan / Iktibar Kepada Penurunan Al-Qur'an / Nasihat / Peringatan Dalam Kehidupan / Hidayah / Petunjuk / Pengajaran Penurunan Al-Qur'an | Surah al-Baqarah ayat 269<br>Surah Yusuf ayat 111<br>Surah Rad' ayat 19<br>Surah Ibrahim ayat 52<br>Surah Shaad ayat 43<br>Surah Ghafir ayat 54 |
| Mengetahui Mahupun Tidak Mengetahui   | Surah az-Zumar ayat 9   |
| Kecenderungan Ke Arah Kebaikan Dan Tidak Kepada Arus Keburukan / Memilih Yang Terbaik / Taat Pada Hukum Agama   | Surah al-Maidah ayat 100<br>Surah az-Zumar ayat 18  |
| Memerhati Kejadian Allah / Merenungi Kejadian Langit Bumi   | Surah Ali-Imran ayat 190<br>Surah az-Zumar ayat 21  |
| Sabar Dalam Kehidupan / Kurniaan Rahmat Daripada Allah  | Surah as-Shaad ayat 43  |
| Bersungguh Menuntut Ilmu Pengetahuan  | Surah Ali-Imran ayat 7  |

(Sumber: Kitab al-Azhar)

### **Kesimpulan**

Model ini diketengahkan adalah sebagai satu medium di dalam usaha melahirkan generasi yang mempunyai kekuatan daya spiritual, intelektual, penaakulan yang mendalam, serta semangat brio ketatanegaraan didalam menjadi aset yang berharga lambang yang prestij sebagai sebuah empayar yang megah. Di dalam arus kemodenan dan aliran globalisasi yang tinggi, nilai serta kemampuan yang ampuh dalam pembangunan masyarakat serta individu yang kukuh dan utuh

pertimbangan bersandarkan kepada konsep zikir dan fikir hasil manifestasi pendirian aqli dan naqli lembayung duniawi ukhrawi.

Penyelidik juga menerangkan secara lengkap pendekatan psikologi dakwah yang menjadi wadah di dalam usaha melahirkan generasi masyarakat yang mempunyai kekuatan dan penguasaan yang tinggi dalam pemilikan personaliti zikir dan fikir yang komprehensif. Oleh yang demikian, bagi perspektif psikologi dakwah itu sendiri, penyelidik menekankan lima buah elemen di dalam usaha memulihara dan memelihara kembali generasi Ulul Albab asset tamadun yang mempunyai karya yang agung demi memelihara, mempertahan, memperjuang serta menegakkan tiang keadilan bangsa yang berkeramat.

Pendekatan psikologi dakwah digunakan oleh penyelidik di dalam penyelidikan ini adalah menyentuh kepada aspek *bil hikmah, mauizzah hasanah, al-mujadalah, at-tarbiah, at-tarhib wattarhib*. Kelima-lima element ini merupakan pembolehubah terikat bagi penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik. Ianya menjadi tunjang utama seterus di dalam membangunkan serta membina kembali generasi yang agung sepertimana yang diketengahkan di dalam al-Qur'an terhadap 16 ayat yang menyandarkan kehebatan mereka di dalam menguruskan kehidupan bersandarkan al-Qur'an dan as-Sunnah sebagai pedoman dalam menyeimbangkan kendiri yang berjaya duniawi serta mendapat kenikmatan beramal dengan nilai ukhrawi.

Impak daripada model yang diketengahkan oleh penyelidik ini adalah sebagai satu penyelesaian di dalam mengurangkan kadar permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat itu sendiri sebagai satu impak yang positif kepada pembangunan ketamadunan manusia yang hebat bertunjang kepada nilai ketatanegaraan yang utuh serta ampuh jati diri nasional. Pemeliharaan agama dan nilai adat resam budaya perlu dipelihara agar tidak mati ditelan zaman. Keupayaan di dalam mempertahankan generasi bertaqwah ini adalah hasil daripada usaha penyelidik di dalam membangunkan sebuah sempadan negara yang menjadi aset kepada pertumbuhan akademik dan nilai sosial yang tinggi dalam kalangan masyarakat dan individu itu sendiri. Seperti yang sedia maklum nilai kepimpinan bermula daripada awalan. Oleh yang demikian generasi kepimpinan negara khususnya amatlah dititikberatkan agar menjadikan medium Ulul Albab ini sebagai satu matlamat di dalam melahirkan kembali generasi bertaqwah seantero dunia.

Ulul Albab adalah kebanggaan tamadun yang unggul. Oleh itu, sebuah tamadun yang berprestij tinggi adalah perlu mempunyai lapisan generasi yang mempunyai kekuatan dan nilai daya saing yang komprehensif, holistik dalam segenap perspektif demi ketelusan dan kesinambungan sebuah generasi yang mapan kebanggaan pemikir-pemikir Islam dan pendukung nilai istiadat bangsa yang setia dan berdaulat.

## Rujukan

- HAMKA. (1985). *Tafsir Al-Azhar Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1980). *Konsep Pendidikan Dalam Islam*. Kuala Lumpur. Belia Islam Malaysia (ABIM)
- Encik Aziz Mohd Zain. (2003). *Pengantar Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Encik Aziz Mohd. Zinn. (1999). *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abd. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Awang Had Salleh. (1996). *Masyarakat Melayu Dalam Pendidikan Dan Sosiod budaya*. Dalam Thinker.Julai-September.

- Chandra Muzaffar, Che Wan Jasimah, Hashim dan Mohd Zuhdi. (2001). Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Hairol Anuar. (2010). Pengajian Malaysia: Kewarganegaraan dan Patriotisme. Bandar Seri Putra. Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Akademik KUIS.
- Hashim Yaacob dan Abdul Jalil Othman. (2007). Dunia Pendidikan Era Globalisasi: Peranan dan Cabaran. Dalam Majalah Pendidikan 30(1).
- Mahmood Nazar Mohamed. 1990. Introduction to Psychology: An Introduction to the Jiwa dan Tingkah Laku Manusia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Solleh Encik Razak. 2011. Sehingga Al-Quran Terpahat Di Hati. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Muhsin Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd Tamin. 1988. Psikologi Remaja. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Mahmood Zuhdi. 2009. Pendedahan Semula Politik Islam Melalui Pendekatan Islam Hadhari. Dalam. Jurnal Hadhari. Nombor 2.
- Mohamad Zahir. 2006. Belia Dan Pembangunan Modal Insan: Merealisasikan Masyarakat Sejahtera. Dalam. Konvensyen Kebangsaan Agenda Pembangunan Sosial Ke Arah Pembentukan Masyarakat Sejahtera dan Saksama. 1-2 Jun 2006.
- Nazri Muslim dan Nasruddin Yunos. 2006. Hubungan Etnik. Pusat Pengajian Am Bang UKM Nik Azis Nik Pa dan Noraini Idris. 2008. Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia: Pengalaman 50 Tahun Kemerdekaan. Kuala Lumpur. Utusan Pengedar.
- Titles Ariffin Noordin and Nor 'Aini Dan. 2002. Pendidikan dan Pembangunan Insan: Satu Pendekatan Bersepadu. Selangor. Media As-Shabab.
- Yusuf al-Qaradawy. 2009. Agama dan Politik: Visi Ideal dan Menafikan Kecelaruan Sekular-Liberal. Kuala Lumpur. Alam Raya Enterprise.
- Zakaria Stapa. 2009. Manusia Pembina Tamadun: Perspektif Pemikiran Islam. Dalam Jurnal Hadhari. Nombor 1.